

Budaya utama keselamatan

Published on: Jan 17, 2013 @ 6:32

Metro Harian, 11 Januari 2013

Bangi: Peningkatan kes kemalangan di tempat kerja dan ketika berulang-alik ke tempat kerja saban tahun mencetuskan rasa tanggungjawab Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menghebahkan maklumat mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara lebih agresif dan holistik kepada golongan sasar.

Melalui kerjasama strategik dengan akhbar harian nombor satu negara, Harian Metro (HM), mulai hari ini maklumat mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan disiarkan menerusi artikel atau grafik yang diterbitkan dalam akhbar ini pada setiap Jumaat.

Pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye berkata, selaras jumlah pembaca HM yang majoritinya beliau bekerja, beliau terpanggil menjalin kerjasama itu dengan objektif utama membudayakan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

“Justeru, kerjasama ini diharap mampu mendidik masyarakat termasuk suri rumah mengenai penjagaan keselamatan dan kesihatan ketika bekerja dalam apa juga sektor,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Kerjasama Info Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Antara HM dan NIOSH bersama Pengarang Kumpulan HM Datuk Mustapa Omar di ibu pejabat NIOSH di sini, semalam. Mustapa berkata, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) HM itu diteruskan dan kakitangan HM sendiri diharap memanfaatkan maklumat yang ada untuk keselamatan mereka.